

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN WONG LING BIU

TARIKH: 20 OKTOBER 2016

SOALAN:

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah sektor industri Malaysia sedang menghadapi masalah kekurangan pekerja yang terbesar. Terdapat ramai pekerja pembinaan perlu bekerja 2 syif sehari tetapi dalam undang-undang di negara kita hanya membenarkan pekerja bekerja maksimum 30 jam dalam masa seminggu. Bagaimanakah kita mampu menyelesaikan masalah ini.

PR-1343-L76144

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dalam mengatasi masalah kekurangan pekerja, ada pekerja yang terpaksa bekerja 8 jam sehari atau lebih. Namun begitu, seksyen 60C (1) Akta Kerja 1955(Akta 265) menetapkan bahawa,

seseorang pekerja yang terlibat di bawah kontrak perkhidmatan dalam kerja shif bolehlah dikehendaki oleh majikannya supaya bekerja lebih daripada lapan jam dalam mana-mana satu hari atau lebih daripada 48(empat puluh lapan) jam dalam mana-mana satu minggu tetapi purata bilangan jam bekerja dalam mana-mana tempoh, atau apa-apa tempoh melebihi tiga minggu hendaklah tidak melebihi empat puluh lapan jam seminggu. Bagaimanapun, subseksyen 60(C)(2) akta yang sama, menetapkan had maksimum waktu kerja ialah 12 jam dalam sehari.

2. Oleh yang demikian, waktu kerja yang dibenarkan mengikut akta 265, empat puluh lapan jam seminggu dan bukannya 30 jam seminggu. Had waktu kerja sedemikian merupakan tempoh yang dibenarkan mengikut undang-undang perburuhan negara dan antarabangsa bagi melindungi hak dan perlindungan pekerja dalam suatu kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja. Kegagalan oleh mana-mana majikan untuk mematuhi peruntukan berkenaan merupakan satu kesalahan, hendaklah dikenakan, apabila disabitkan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

3. Sekiranya terdapat situasi keperluan sektor industri meningkatkan pengeluaran pada masa yang sama kekurangan pekerja, majikan disarankan supaya mengiklankan kekosongan pekerjaan supaya peluang-peluang pekerjaan dapat diisi oleh warganegara seterusnya membantu kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.